

17/10/2003

Kelantan kekal cuti mingguan Jumaat

KOTA BHARU: Kerajaan Pas Kelantan akan terus mengekalkan cuti hujung minggu pada Jumaat walaupun ada cadangan supaya cuti itu diseragamkan kepada Ahad.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata perkara itu tiada kaitan dengan soal politik, tetapi kerana Jumaat adalah hari istimewa dalam Islam dan dijadikan hari menimba ilmu bagi masyarakat negeri ini.

"Jumaat adalah hari ternama dalam Islam... hari itu juga Nabi Adam dikeluarkan dari syurga dan dimasukkan semula... dan Jumaat juga akan berlaku Hari Kiamat. Oleh itu, tidak terlintas langsung untuk saya menukarkan cuti hujung minggu bagi Kelantan kepada hari lain," katanya kepada Berita Harian selepas majlis sambutan ulang tahun ke-13, Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim (Tabung Serambi Makkah), di Kota Darulnaim, di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai unsur politik dan bukannya soal agama yang menghalang cuti hujung minggu dilaksanakan serentak di seluruh negara. Perdana Menteri dalam temu bual di Putrajaya, dipetik berkata Pas akan menjadikannya isu politik jika kerajaan mengisytiharkan Ahad sebagai cuti hujung minggu bagi semua negeri.

Ketika ini, Kelantan, Terengganu dan Kedah menjadikan Jumaat sebagai cuti hujung minggu.

Dii ALOR STAR, Pengerusi Hal Ehwal Agama Kedah, Fadzil Hanafi, berkata Islam tidak pernah menetapkan hari tertentu untuk bercuti dan menjalankan urusan keduniaan, sebaliknya terpulang kepada kebijaksanaan umat dan pentadbir menentukannya.

"Jika negeri itu cuti pada Jumaat, tetapi rakyatnya tidak sembahyang dan melaksanakan ibadat, pun (itu) tidak betul kerana Islam menyuruh kita bekerja selepas sembahyang, bukan duduk senang-lenang bercuti," katanya.